

# Cherril Mitchell Henry johan

## Karaoke Tamu Gadang UMSKAL 2014

UB 20-11-2014 816

PELAJAR Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Cherril Mitchell Henry muncul johan Pertandingan Karaoke Terbuka Sempena Tamu Gadang UMSKAL 2014.

Menyanyikan lagu asal, Agnes Monica, Kerna Ku Sanggup, membolehkan Cherril membawa pulang



**CHERRIL** ketika menyanyikan lagu Kerna Ku Sanggup.

hadiah wang tunai RM300.

Naib johan dimenangi Heidar Hussein Mohd Rashid, seorang guru, dengan lagu Bahagiamu Derita ku dendangan Hafiz.

Arizal Jorea dari Kampung Gersik menduduki tempat ketiga selepas menyanyikan lagu Aqash, Embun.

Tempat keempat, Muhamad Khairul Abdul dari Kampung Bukit Kalam yang menyampaikan lagu bertajuk Kamelia nyanyian Sweet Charity.

Sementara tempat kelima dimenangi peserta dari Kampung Lajau, Jamaludin Bakri dengan lagu Mentari Di Ufuk Timur dendangan kumpulan rock tanahair, Search.

Pemenang naib johan dan ketiga masing-masing

meraih RM200 dan RM100 sementara tempat keempat dan kelima memenangi hamper.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyampaikan hadiah kepada pemenang di Dewan Utama, universiti itu, baru-baru ini.

Turut hadir isteri beliau, Hayati Salleh Baihaki, Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Mas Adi Alimin dan penyelaras program, Johari Safar.

Seramai 22 peserta menyertai pertandingan itu yang dijalankan sejak pukul 10 pagi hingga 3 petang yang memabitkan pusingan saringan sebelum lima daripadanya mara ke peringkat akhir.